

PM laksana reformasi ekonomi julang darjat rakyat

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim beriltizam melaksanakan reformasi ekonomi negara ini bagi menjulang darjat rakyat serta berikhtiar membantu meringankan beban mereka menerusi jualan murah barang keperluan harian di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, reformasi ekonomi itu wajib bermula dengan golongan yang kurang berkemampuan.

Katanya, program subsidi bersasar Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang diumumkan minggu lalu antara langkah besar merealisasikan gagasan reformasi itu.

“Saya turun padang ke Pasar Borong MYDIN di Meru, Ipoh hari ini (semalam) bagi melihat sendiri kesedaran dan impak SARA yang disasarkan untuk membantu menambah kuasa beli kepada mereka yang memerlukan bagi mendapatkan barangan asas dari rangkaian rakan runcit dengan lebih 500 kedai terbabit di seluruh negara.

“Jualan murah dengan kerjasama pihak berkaitan pula dijangka memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Program jualan murah itu memba-bitkan barang keperluan harian seperti ikan, ayam, beras dan se-

bagainya akan diperluas ke seluruh negara.

“Saya tiba di Perak hari ini (semalam) dan terus menyantuni masyarakat setempat di Program Jualan Ikan, Udang dan Sotong Murah Parlimen Tambun. In-sya-Allah, program jualan barangan keperluan ikan, ayam, beras dan sebagainya dengan harga murah seperti hari ini, akan diperluas ke seluruh negara kelak,” katanya dalam kenyataan di media sosialnya, semalam.

Rangka pelan strategi

Dalam perkembangan berkaitan juga, Perdana Menteri berkata, Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal kini diberi tanggungjawab mengetuai jawatankuasa menangani harga makanan dan kos sara hidup di bawah Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Katanya, Ahli Parlimen dari BERSATU yang juga bekas Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengetuai kluster itu bagi membantu kerajaan merangka pelan strategik bagi mengawal harga barang.

“Sahabat saya, Syed Abu Hussin sama-sama ambil inisia-

tif ini kerana walau kita lakukan pelbagai langkah, kita tahu kos sara hidup meningkat. Walau kita umum tambahan Sumbangan Tunai Rahmah (STR), tapi tak cukup kalau kita tak kawal harga barang.

“Saya terima teguran, permintaan orang ramai, kita adakan banyak jualan rahmah. Saya tengok harga ikan, ayam, beras pada jualan hari ini (semalam) jauh lebih rendah berbanding harga pasaran.

“Ini kita kena perbanyakkan, sebab tu saya tugaskan Syed Abu Hussin untuk bantu NACCOL, saya mengesahkan supaya dia akan mengepalai kluster ini bagi menambah ikhtiar supaya Jualan MADANI ini dapat kita tingkatkan, perluaskan dan kerapkan lagi di seluruh negara,” katanya berucap pada Jualan Termurah Madani di Padang Taman Klebang Restu, Ipoh, semalam.

NACCOL adalah salah satu kluster dalam Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang berperanan merangka dasar, strategi serta pelan tindakan untuk menangani isu kenaikan kos sara hidup untuk pertimbangan dan perse-

tujuan Mesyuarat Jemaah Menteri.

Sementara itu, Syed Abu Hussin Hafiz menyatakan kesediaan menggalas tugas mengetuai jawatan kuasa itu dan ber-tekad membuktikan kepada kerajaan bahawa ada kaedah boleh

dilaksanakan untuk menstabilkan harga barang, seterusnya mengurangkan beban rakyat.

“Saya bersedia menerima tanggungjawab ini dengan syarat saya diberikan kuasa untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan,” katanya.